

Headline	Lantikan politik dalam GLC perlu letak jawatan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	18 Aug 2021	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Nasional	Page No	8
ArticleSize	479 cm <sup>2</sup>	Journalist	FARAH SHAZWANI ALI
PR Value	RM 30,464		



## ANTARA LANTIKAN POLITIK DALAM SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (GLC)

**Ahli Parlimen Pasir Salak, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman**

- Pengerusi Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) - **ditamatkan**

**Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin**

- Pengerusi Boustead Holdings Bhd (Boustead) - **letak jawatan**

**Ahli Dewan Undangan Negeri Pangkor, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir**

- Pengerusi Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) - **letak jawatan**

**Ahli Parlimen Machang, Datuk Ahmad Jazlan Yaakob**

- Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) - **letak jawatan**

**Ahli Parlimen Beaufort, Datuk Azizah Mohd Dun**

- Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (Mara)

**Ahli Parlimen Bachok, Nik Mohamad Abdul Nik Abdul Aziz**

- Pengerusi Lembaga Kemajuan Wilayah Kelantan Selatan (Kesedar)

**Ahli Parlimen Jempol, Datuk Mohd Salim Sharif**

- Pengerusi Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Risda)

**Ahli Parlimen Kimanis, Datuk Mohamad Alamin**

- Pengerusi Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)

**Ahli Parlimen Tanjung Manis, Yusuf Abd Wahab**

- Pengerusi Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

**Ahli Parlimen Padang Terap, Datuk Seri Mahdzir Khalid**

- Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB)

**Ahli Parlimen Cameron Highlands, Ramli Mohd Nor**

- Pengerusi Amanah Raya Berhad (AmanahRaya)

**Ahli Parlimen Jelebu, Datuk Jalaluddin Alias**

- Pengerusi UDA Holdings Bhd (UDA)

**Ahli Parlimen Besut, Datuk Seri Idris Jusoh**

- Pengerusi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)

**Ahli Parlimen Sipitang, Yamani Hafez Musa**

- Pengerusi Felcra Berhad (FELCRA)

**Ahli Parlimen Igan, Ahmad Johnie Zawawi**

- Pengerusi Lembaga Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK)

**Ahli Parlimen Baram, Anyi Ngau**

- Pengerusi Lembaga Lada Malaysia

**Ahli Parlimen Sibuti, Lukanisman Awang Sauni**

- Pengerusi Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia

**Ahli Parlimen Pasir Mas, Ahmad Fadhli Shaari**

- Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)

**Ahli Parlimen Bukit Gantang, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal**

- Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)

**Ahli Parlimen Dungun, Wan Hassan Mohd Ramli**

- Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)

**Ahli Parlimen Setiu, Tuan Shaharizukirmain Abdul Kadir**

- Pengerusi Tekun Nasional

**Ketua Penerangan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Datuk Wan Saiful Wan Jan**

- Pengerusi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

**Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lembah Jaya, Haniza Mohamed Talha**

- Pengerusi Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)

**Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permas, Datuk Che Zakaria Mohd Salleh**

- Pengerusi Lembaga Kemajuan Wilayah Johor Tenggara (Kejora)

**Ahli Dewan Negara, Datuk Razali Idris**

- Pengerusi Lembaga Kemajuan Wilayah Terengganu Tengah (Ketengah)

**Setiasaha Agung MCA, Datuk Chong Sin Woon**

- Pengerusi Lembaga Pelabuhan Klang (LPK)

**Pemuda Pas, Nurul Islam Mohamed Yusoff**

- Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Getah Malaysia (LGM)

# Lantikan politik dalam GLC perlu letak jawatan

Individu yang memegang jawatan di GLC, GLIC perlu berundur susulan peletakan jawatan Muhyiddin

Oleh FARAH SHAZWANI ALI

KUALA LUMPUR

Individu yang memegang jawatan di syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) menerusi lantikan politik perlu berundur susulan peletakan jawatan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri pada Isnin.

Ahli Parlimen Setiawangsa, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, tindakan itu adalah wajar dan terpuji yang perlu dilakukan selari dengan situasi semasa.

“Dengan peletakan jawatan Perdana Menteri, alasan dan ke-sahihan mereka untuk terus memegang jawatan tersebut juga telah berakhir.

“Sebilangan besar GLC dan GLIC dikendalikan secara profesional dan gangguan apa pun mestilah minimum.

“Bagaimanapun, kerajaan baharu nanti harus berkomitmen untuk



NIK NAZMI

mengisi kedudukan ini secara profesional berdasarkan prestasi dan bukannya pertimbangan politik semata-mata,” katanya dalam satu kenyataan di Facebook pada Selasa.

Muhyiddin pada Isnin mengesahkan beliau dan barisan kabinetnya meletak jawatan secara rasmi.

Beliau berkata, keputusan itu diambil susulan dirinya telah hilang sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat.